Headline	NAZMI PERLU BIJAK KAWAL EMOSI		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	171,663
Page No	31	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	135 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,668
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,005

NAZMI PERLU BIJAK KAWAL EMOSI

MELAKA 24 April - Pengendali Selangor, Zainal Abidin Hassan mengingatkan bintang tengah *Red Giants*, Muhammad Nazmi Faiz Mansor **(gambar)** supaya lebih bijak mengawal emosi apabila berada di atas padang agar tidak ditimpa masalah seperti mendapat kad merah.

Semalam, pemain berusia 22 tahun itu dilayangkan kad merah ketika Selangor seri 0-0 dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam perlawanan Liga Super ekoran tindakannya mengkasari pemain import lawan, Andre Francisco Williams pada minit ke-70.

"Nazmi perlu bijak mengawal diri dan tidak membuatkan pasukan tertekan. Dia kena tahu, kad merah membebankan pasukan.

"Saya minta, ini kali terakhir (dapat kad merah) dan dia perlu lebih mendisiplinkan diri dalam padang," kata Zainal di sini, semalam.

Kad merah dan gagal mengawal emosi bukan asing buat Nazmi kerana pemain kelahiran Kuala Lumpur itu juga pernah digantung enam perlawanan oleh Jawatankuasa Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) selepas meludah pemain Kelantan, Edwin Carillo dalam aksi Liga Super, Ogos tahun lepas. Dia dilayangkan kad merah pada perlawanan itu.

Dia juga pernah digantung enam perlawanan oleh Jawatankuasa Disiplin Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) kerana meludah pemain Timor Leste, Filipe Oliveira ketika mewakili skuad bawah 23 tahun negara pada Sukan SEA, Jun tahun lepas yang menyebabkan dia dilayangkan kad merah dalam insiden itu.

Mengulas mengenai perlawanan semalam, Zainal Abidin berkata, Selangor melepaskan mata berharga kerana mampu menguasai permainan dan memperoleh banyak peluang sebelum Nazmi dibuang padang.

"Apabila bermain 10 orang kita terpaksa bertahan, alhamdullilah kita dapat mengekang pemain PDRM.

"Seri ketika bermain 10 orang bagi saya keputusan adil tetapi bagi saya ketika bermain 11 orang kita gagal menyempurnakan peluang," katanya.

Powered by: isentia

Headline	113 staf MBSA terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	50	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	260 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,773
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,320

113 staf MBSA terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

KOMITMEN. Seramai 1,000 warga Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) meraikan 113 kakitangan cemerlang pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diadakan di Dewan Auditorium, MBSA, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Menurut Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad, majlis tersebut dilaksanakan bagi menghargai jasa dan komitmen kakitangan yang telah mengangkat imej MBSA sebagai pihak berkuasa tempatan yang cemerlang dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat khususnya warga kota Shah Alam.

Komuniti Kita

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita* kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my.

"Seramai 113 orang warga kerja MBSA dari pelbagai gred dan jawatan telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Pihak MBSA menghargai komitmen warga kerja kami dengan meraikan kakitangan yang merupakan aset utama dan tulang belakang yang memainkan peranan penting bagi memperkasakan pengoperasian organisasi MBSA.

"Pemberian anugerah ini menjadi dorongan kepada seluruh warga kerja MBSA untuk mempertingkatkan prestasi kerja dan melaksanakan tugasan dengan bersungguh-sungguh," katanya.

TIMBALAN Setiausaha (Pengurusan) Kerajaan negeri Selangor, Datuk Mazalan Md. Noor (depan, empat dari kiri) dan Ahmad Zaharin (depan, tiga dari kiri) bergambar bersama penerima-penerima anugerah pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSA di Wisma MBSA, Shah Alam baru-baru ini.

Powered by: isentia

25 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Nur Farhana Abdul Manan • Section: Nasional • Page: 35
Printed Size: 408.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 5,967.00 • PR value: MYR 17,901.00 • Item ID: MY0025860004

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

back

MB terjah rumah penduduk

Buat pemeriksaan bagi mengatasi masalah denggi sempena Program Terjah dan Musnah Aedes

NUR FARHANA ABDUL MANAN & MARLIA ZAKARIA

BANGI – Sikap penduduk yang enggan memberi kerjasama ketika jabatan kesihatan melakukan pemeriksaan di kediaman menimbulkan halangan kepada pihak itu untuk menangani penularan kes demam denggi.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, hasil pemantauan dan pemeriksaan dijalankan pihaknya mengenal pasti punca sebenar pembiakan adalah dari dalam rumah.

"Hari ini (semalam) bila kita ketuk beberapa pintu rumah untuk periksa sama ada wujud tempat pembiakan nyamuk dalam kediaman mereka, ada penghuni tak buka pintu sedangkan kita datang nak bantu mereka dengan kepakaran dan teknologi sedia.

"Penduduk kena faham, sekiranya masalah denggi tidak dapat ditangani kesannya kepada mereka juga akhirnya," katanya selepas Program Terjah dan Musnah Aedes di Apartmen Seri Anggerik Seksyen 7, Bandar Baru Bangi di sini, semalam.

Beliau berkata, berdasarkan rekod jabatan kesihatan negeri, Selangor masih mencatat kes demam denggi tertinggi dan membimbangkan.

Meskipun jumlah kes kematian menurun dari 60 kes kepada 31 kes dalam tempoh sama berbanding tahun lalu namun ia masih menjadi isu serius.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin berkata, tiada rekod kes kematian akibat demam denggi dilapor dalam tempoh dua minggu sebelum ini.

Ia permulaan baik namun katanya, usaha mengekang wabak masih perlu dijalankan secara berterusan.

"Saya rayu penduduk berilah kerjasama kepada PBT (pihak berkuasa tempatan) dan jabatan kesihatan supaya usaha memerangi demam denggi menemui hasil," katanya.

Beliau bersama pegawai Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) terpaksa memecah masuk sebuah unit rumah yang ditinggalkan kosong dan dipenuhi sampah di dalamnya.

Katanya, beliau kesal dengan sikap pemilik rumah yang membiarkan rumah berselerak dengan sampah hingga menyebabkan pihaknya memutuskan melakukan pembersihan kerana bimbang wujud tempat pembiakan nyamuk.

Dalam program sama, beliau turut membersihkan sampah di bumbung tingkat satu pangsapuri menggunakan pancutan air dari lori dan melakukan semburan kabus di sekeliling kawasan pangsapuri.

Sementara itu pada program sama di Shah Alam bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM1 juta dalam usaha menyediakan 1,000 tong sampah beroda berharga RM900 setiap satu di kawasan perumahan kos rendah seluruh Selangor.

Mohamed Azmin berkata, ketiadaan tong tersebut di setiap blok adalah punca utama pembiakan aedes.

"Salah satu isu besar ialah tak ada tong yang sesuai dan kukuh di setiap blok. Mereka buang sampah ke bawah terus jatuh ke lantai dan sampah boleh termasuk ke longkang. Ia boleh tersumbat seterusnya menjadi punca denggi.

"Selain itu kerja pembersihan akan dilakukan anak syarikat milik penuh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), Hebat Abadi. Walau pun ada pihak kontraktor yang dilantik MBSA tapi saya nak ada 'back up service' supaya kawasan ni benar-benar bersih dan bebas denggi," katanya.

Sementara itu, Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, satu 'blue print' berkaitan denggi sedang dibuat.

"Apabila sudah siap, kita akan umumkan dan ia berkaitan tentang kos operasi dan kerajaan negeri akan pastikan pembersihan dilaksanakan dengan betul seperti yang kita buat hari ni serta tambahkan kos untuk kerja-kerja pembersihan.

"Bagi PBT (pihak berkuasa tempatan), kalau tak cukup kakitangan mereka boleh laksanakan pekerja sambilan harian atau lantik *pest control operator* supaya kita boleh tumpu kawasan hot spot," katanya.

25 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Nur Farhana Abdul Manan • Section: Nasional • Page: 35
Printed Size: 408.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 5,967.00 • PR value: MYR 17,901.00 • Item ID: MY0025860004

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

back

Mohamed Azmin (dua, kiri) bersama Daroyah membantu membersihkan longgokkan sampah di kawasan perumahan kos rendah Seksyen 28, Shah Alam. FOTO:ROSLI TALIB

Mohamed Azmin turut sama melakukan semburan kabus di sekitar kawasan pangsapuri ketika Program Terjah dan Musnah Aedes di Apartment Seri Anggerik Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, semalam.

25 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 294.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,299.75
PR value: MYR 12,899.25 • Item ID: MY0025860007

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Remaja tak hirau notis larangan

Jadikan tasik yang dibina untuk tempat riadah sebagai port mandi, penduduk bimbang kejadian lemas berulang

RAWANG - Tasik yang baru dibangunkan untuk dijadikan kawasan riadah beberapa tahun lalu kini dijadikan port mandi oleh segelintir golongan remaja di Bandar Country Homes di sini.

Seorang penduduk, Md Noor Othman, 54, berkata, biarpun terdapat notis larangan mandi di kawasan tersebut namun aktiviti tersebut makin aktif malah dapat dilihat terutamanya ketika hujung minggu.

Menurutnya, dia beberapa kali menasihatkan pelajar supaya tidak mandi di kawasan tersebut kerana kedalamannya yang tidak sesuai untuk aktiviti itu.

"Kalau nampak saya tegur, tapi lagi kita halang lagi mereka buat. Selain mandi ada juga yang memancing. Notis ada dipasang tapi tak diendahkan.

"Kalau buat pagar atau tembok tak sesuai pula sebab kawasan itu tempat awam. Kalau penguat kuasa buat rondaan lebih kerap mungkin pelajar-pelajar ini takut dan tak salah guna tasik itu hingga boleh membahayakan nyawa mereka sendiri," katanya.

Awal bulan lalu, seorang pelajar meninggal dunia dipercayai lemas sewaktu mandi di tasik tersebut bersama rakan-rakannya.

Difahamkan, jambatan kecil yang menjadi laluan di tengah tasik dijadikan tempat remaja untuk terjun ke dalam tasik.

Seorang peniaga, Syed Yusof Syed Husin, 46, berkata, demi menjaga keselamatan dan mengelak insiden berulang dia mencadangkan tindakan lebih tegas diambil.

"Kalau kenakan denda atau kompaun mungkin mereka patuh arahan larangan itu. Biasanya mereka yang mandi ini adalah pelajar yang datang berkumpulan tanpa dipantau orang dewasa," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Perbandaran Selayang Zon 18, S Durairatnam berkata, susulan insiden lemas seorang pelajar di tasik tersebut, MPS telah memasang notis larangan mandi di kawasan tersebut.

"Tembok dan pemagaran tasik tersebut juga diusulkan yang kini dalam proses penelitian bergantung kepada bajet dan peruntukan.

"Rondaan berkala juga dibuat di kawasan itu sebagai mengekang aktiviti tersebut dilakukan di situ. Kawasan itu dibangunkan bagi memenuhi kemudahan riadah namun disalah guna hingga memudaratkan," katanya.

SYED YUSOF

Jambatan kecil yang dijadikan tempat untuk remaja terjun ke dalam tasik.

25 Apr 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: HAFEZDZULLAH HASSAN • Section: Nasional • Page: 42
Printed Size: 754.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 11,027.25 • PR value: MYR 33,081.75 • Item ID: MY0025860017

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Sebahagian daripada 2,500 peserta 'Ampang Jaya Night Run 2016' menunggu isyarat pelepasan daripada Mohamed Azmin.

Antara peserta kategori 2km bergaya bersama kostum karakter filem masing-masing selepas menamatkan larian.

2,500 sertai larian

Ampang Jaya Night Run 2016 pupuk semangat kesukanan

HAFEZDZULLAH HASSAN

AMPANG JAYA - Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali antara 2,500 peserta Ampang Jaya Night Run 2016 yang berjaya menamatkan larian, di sini, malam kelmarin.

Beliau yang ditemani anak lelakinya, Mohamed Basheer Noor Alhaq, 16, mengambil masa kurang 30 minit untuk menamatkan larian dalam kategori lima kilometer (5km).

Beliau ketika ditemui berkata, Ampang Jaya Night Run 2016 merupakan satu kesedaran bagi memupuk semangat kesukanan dan riadah dalam kalangan orang ramai bagi menjaga kesihatan.

"Ini semangat yang kita mahu pupuk di Selangor dan saya harap program seperti ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi," katanya.

Turut sama menyertai larian, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Abd Hamid Hussain; Ahli Parlimen, Zuraida Kamaruddin dan Adun Teratai, Tiew Way Keng.

Ampang Jaya Night Run 2016 merupakan program larian sulung anjuran MPAJ.

Larian tersebut terbahagi kepada tiga kategori iaitu 10km, 5km dan 2km (Fun Ride) menyaksikan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat.

Seorang peserta larian sempat berselfie bersama Mohamed Azmin (tengah).

Mohamed Azmin (kiri) dan Zuraida (kanan) melaungkan sorakan semangat sebelum mereka memulakan larian bersama peserta.

Mohamed Azmin (tengah) dan Abd Hamid (kiri) bersama-sama menuju ke garisan penamat selepas lebih kurang 28 minit berlari bersama.

Mohamed Azmin tidak ketinggalan berzumba selama 15 minit bersama peserta Ampang Jaya Night Run 2016 sebelum memulakan larian.

Headline	Mohon selenggara dewan terbiar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	132 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,930
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,790

Pantau buku agama luar negara

Pondok polis masih kosong

Mohon selenggara dewan terbiar

Mohon selenggara dewan terbiar

TANJONG KARANG - Kelab Sukan dan Kebajikan Penduduk Sungai Tengi Kanan Darat (Kesak) memohon pihak berwajib supaya memberi perhatian terhadap Dewan Seri Melati yang didakwa terbiar sejak lapan tahun lalu.

Pengerusi Kesak, Arbaie Sahlan berkata, dewan serba guna itu terbiar rosak dan dikelilingi semak selepas pertukaran tampuk pimpinan kerajaan negeri sekali gus mengecewakan rakyat di kampung ini.

"Kesak memandang serius perkara ini dan memohon pihak bertanggungjawab mengambil inisiatif menyelenggara dan membaik pulih dewan tersebut kerana lokasinya yang bersebelahan dengan klinik desa.

"Jika dibiarkan semak ketika musim kering sepanjang fenomena El-Nino, tak mustahil bilik air dewan itu menjadi habitat haiwan liar seperti ular," katanya.

Menurutnya, jika dewan itu dibaiki sempurna, tidak mustahil akan menjadi pusat aktiviti penduduk seperti lapan tahun lalu yang meriah dengan aktiviti riadah, keramaian dan sambutan hari raya.

"Anak muda nak main dekat gelanggang serba guna pun tak semangat sebab dewan macam ni," katanya.

Dewan Seri Melati yang terbiar tanpa penyelenggaraan di Kampung Sungai Tengi Kanan Darat.

Powered by: isentia

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MMonly (_MMonly)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Pantau buku agama luar negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	358 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,236
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,708

Pantau buku agama luar negara

Bimbang terdapat unsur ajaran sesat atau Syiah sehingga boleh pesongkan akidah umat Islam

KUALA SELANGOR - Penerbitan buku dan laman web berunsur keagamaan dari luar negara perlu dipantau dengan teliti dan mesti mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) terlebih dahulu.

Pengarah Jabatan Agam Islam Selangor (Jais), Datuk Haris Kasim menegaskan, pemantauan itu penting kerana dikhuatiri buku dan laman web terbitan luar negara itu berunsurkan ajaran sesat dan Syiah tanpa disedari.

Menurutnya, pendedahan penting supaya umat Islam sentiasa berwaspada dengan pengaruh ajaran Syiah yang semakin menular bahkan terdapat pelbagai buku diterbitkan untuk memesongkan akidah.

"Sebagai contoh, ada buku murid sekolah agama yang berbentuk ajaran Syiah diedarkan secara percuma. Jadi, tindakan wajar perlu dibuat dengan melaporkan ia kepada pihak berwajib dan menyekat pengeluaran buku itu.

"Aktiviti ajaran sesat dan Syiah ini sentiasa berpindah menyukarkan usaha mengesan mereka dan kerjasama ketua serta pendukung agama penting sebagai ejen Jais bagi menyalurkan maklumat tepat," katanya pada Seminar Islam dan Kesedaran Media: Isu dan Cabaran anjuran Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jais di Dewan Raja Lumu, Kompleks Islam Daerah Kuala Selangor.

Haris berkata, penyebaran melalui media sosial juga mampu meningkatkan kadar penyelewengan akidah dalam kalangan umat Islam, malah terdapat 37 ajaran sesat yang dikenal pasti.

Daripada jumlah itu katanya, 22 ajaran sesat masih dikesan aktif manakala lima lagi sangat aktif termasuk ajaran Syiah bahkan penyebaran melalui media sosial masa kini dilihat sukar dikawal.

"Kakitangan bahagian penguatkuasaan Jais ataupun pejabat agama daerah masing-masing tidak mencukupi untuk menjaga dan memantau semua aktiviti umat Islam di setiap kawasan.

"Sebab itu, seminar ini penting bagi memberi pendedahan khususnya guru besar, guru agama dan nazir masjid supaya mereka dapat menyalurkan maklumat sebenar pengaruh media sosial dan ajaran sesat dalam kalangan umat Islam," katanya.

Beliau berkata, jika terdapat persoalan status halal haram sesuatu produk atau berkaitan agama, perlu merujuk Jais untuk pengesahan dan jangan terus disebarkan melalui laman sosial kerana bimbang ia tidak benar dan menjadi fitnah selain memberi impak besar kepada semua.

Haris (kanan) bersalaman dengan salah seorang peserta seminar.

Powered by: isentia

Headline	Pantau buku agama luar negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	358 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,236
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,708

Haris menyampaikan amanatnya sempena Seminar Islam dan Kesedaran Media: Isu dan Cabaran anjuran Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jais di Dewan Raja Lumu Kompleks Islam Daerah Kuala Selangor.

Powered by: isentia

Headline	Kemas kini borang pendaftaran petani		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	40	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	173 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,530
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,590

Kemas kini borang pendaftaran petani

Haslin (kiri) melawat gerai pameran hasil pertanian sempena Hari Ladang dan Bertemu Pelanggan Jabatan Pertanian Daerah Sepang.

HULU CHUCOH - Pejabat Pertanian Daerah Sepang menggesa semua pengusaha pertanian di daerah Sepang mendapatkan borang pendaftaran petani dengan segera bagi memudahkan proses mengemas kini data.

Pegawai Pertanian Daerah Sepang, Mohd Fadzli Mohamad Yaacob berkata, pihaknya dalam usaha mengumpul maklumat mengenai perusahaan bidang pertanian di daerah ini.

Menurutnya, beliau mahu menjadikan industri pertanian di Sepang sebagai sebuah hab makanan terkenal hingga ke peringkat antarabangsa.

"Pengusaha kita ramai yang sudah berjaya, namun kita mahu cari bakat baru yang boleh diketengahkan untuk mengeluarkan pelbagai produk makanan," katanya pada Program Hari Ladang dan Bertemu Pelanggan anjuran Jabatan Pertanian Daerah Sepang di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Hulu Chucoh, baru-baru ini.

Pada program berkenaan, pelbagai agensi membuka kaunter pameran agensi masing-masing termasuk dari Jabatan Veterinar, Fama, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Agrobank, Tekun Nasional, bomba dan Klinik Kesihatan Sungai Pelek.

Dalam pada itu, Adun Tanjung Sepat, Haslin Hassan berkata, kerajaan negeri terus memberi sokongan terhadap usaha pelbagai pihak termasuk petani untuk memajukan diri.

Menurutnya, pelbagai program yang diadakan dilihat membantu usahawan mengkomersialkan produk mereka.

Powered by: isentia

Headline	Selangor maju diterajui tiga parti		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	68 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 586
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,758

Selangor maju diterajui tiga parti

SHAH ALAM - Pas Selangor berpendirian kepimpinan kerajaan negeri berjaya mengekalkan kestabilan di negeri ini.

Pesuruhjaya Pas, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, kestabilan ini berjaya memberi peluang kepada kerajaan negeri untuk memberi tumpuan kepada usaha membangunkan negeri dan memberi pembelaan kepada rakyat.

"Sebarang usaha mewujudkan ketegangan gagal kerana dapat ditangani dengan bijaksana oleh pimpinan kerajaan negeri.

"Isu-isu kaum dan agama yang berpotensi mencetuskan kontroversi akhirnya dapat diselesaikan dengan baik," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, pembangunan negeri juga terus dipacu ke hadapan walaupun keadaan ekonomi negara yang lembap kini.

"Selangor terus menerima pelaburan dari dalam dan luar negara, malah hasil negeri juga terus dipertingkatkan.

"Agenda membela rakyat diteruskan dan program-program sedia ada diperkasakan sementara program baru diperkenalkan," katanya.

Powered by: isentia

Headline	Remaja tak hirau notis larangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	294 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,899

Remaja tak hirau notis larangan

Jadikan tasik yang dibina untuk tempat riadah sebagai port mandi, penduduk bimbang kejadian lemas berulang

RAWANG - Tasik yang baru dibangunkan untuk dijadikan kawasan riadah beberapa tahun lalu kini dijadikan port mandi oleh segelintir golongan remaja di Bandar Country Homes di sini.

Seorang penduduk, Md Noor Othman, 54, berkata, biarpun terdapat notis larangan mandi di kawasan tersebut namun aktiviti tersebut makin aktif malah dapat dilihat terutamanya ketika hujung minggu.

Menurutnya, dia beberapa kali menasihatkan pelajar supaya tidak mandi di kawasan tersebut kerana kedalamannya yang tidak sesuai untuk aktiviti itu.

"Kalau nampak saya tegur, tapi lagi kita halang lagi mereka buat. Selain mandi ada juga yang memancing. Notis ada dipasang tapi tak diendahkan.

"Kalau buat pagar atau tembok tak sesuai pula sebab kawasan itu tempat awam. Kalau penguat kuasa buat rondaan lebih kerap mungkin pelajar-pelajar ini takut dan tak salah guna tasik itu hingga boleh membahayakan nyawa mereka sendiri," katanya.

Awal bulan lalu, seorang pelajar meninggal dunia dipercayai lemas sewaktu mandi di tasik tersebut bersama rakan-rakannya.

Difahamkan, jambatan kecil yang menjadi laluan di tengah tasik dijadikan tempat remaja untuk terjun ke dalam tasik.

Seorang peniaga, Syed Yusof Syed Husin, 46, berkata, demi menjaga keselamatan dan mengelak insiden berulang dia mencadangkan tindakan lebih tegas diambil.

"Kalau kenakan denda atau kompaun mungkin mereka patuh arahan larangan itu. Biasanya mereka yang mandi ini adalah pelajar yang datang berkumpulan tanpa dipantau orang dewasa," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Perbandaran Selayang Zon 18, S Durairatnam berkata, susulan insiden lemas seorang pelajar di tasik tersebut, MPS telah memasang notis larangan mandi di kawasan tersebut.

"Tembok dan pemagaran tasik tersebut juga diusulkan yang kini dalam proses penelitian bergantung kepada bajet dan peruntukan.

"Rondaan berkala juga dibuat di kawasan itu sebagai mengekang aktiviti tersebut dilakukan di situ. Kawasan itu dibangunkan bagi memenuhi kemudahan riadah namun disalah guna hingga memudaratkan," katanya.



SYED YUSOF

Jambatan kecil yang dijadikan tempat untuk remaja terjun ke dalam tasik.

Powered by: isentia

Headline	Bantah bazar larut malam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	36	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	774 cm²
Journalist	NUR FARHANA ABDUL MANAN	AdValue	RM 11,320
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,959

Tapak kosong yang dikatakan bakal digunakan untuk penganjuran bazar larut malam.

Bantah bazar larut malam

Penduduk desak MPKj batal kelulusan, bimbang timbul pelbagai masalah

NUR FARHANA ABDUL MANAN

BANGI - Kira-kira 50 penduduk Taman Putra, Kajang, berkumpul pagi kelmarin, bagi mendesak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) membatalkan kelulusan yang diberi kepada penganjur bazar larut malam (uptown) bersebelahan Taman Kajang Impian, di sini.

Dakwa penduduk, kewujudan bazar tersebut bakal menimbulkan banyak masalah kepada mereka.

Pengerusi Persatuan Penduduk Islam Taman Kajang Impian, Azli Yusuf berkata, pihaknya dimaklumkan permohonan bazar itu mendapat kelulusan merancang daripada pihak MPKj beberapa minggu lalu.

Menurutnya, penganjur pernah beberapa kali membuat permohonan sebelum ini namun ia tidak diluluskan atas beberapa faktor.

Bagaimanapun, dalam mesyuarat pelesenan diadakan baru-baru ini, beliau dimaklumkan majoriti ahli majlis yang hadir menyokong permohonan penganjur dengan mengenakan beberapa syarat.

Antara syarat dikenakan termasuk penganjur perlu mengemukakan pelan pindaan permit bangunan sementara, pelan laporan penilaian trafik (TIA) terkini dan kontraktor sampah perlu berdaftar dengan pihak majlis.

Penganjur juga katanya, perlu menyediakan kawalan lalu lintas sepanjang operasi dan hanya boleh menjalankan perniagaan dari jam 9 malam hingga 2 pagi.

Azli berkata, penganjur diberi masa tiga bulan bagi pematuhan semua syarat ditetapkan sebelum boleh memulakan operasi.

"Penduduk tidak setuju dengan kelulusan diberi, timbul persoalan bagaimana ia boleh diluluskan sedangkan banyak perkara yang perlu diambil kira demi keharmonian dan keamanan masyarakat setempat," katanya.

Bimbang wujud gejala sosial

Beliau berkata, kedudukan tapak bazar berkeluasan kira-kira 1.2 hektar itu terlalu hampir dengan kawasan perumahan menyebabkan penduduk bimbang wujud masalah sosial apabila tapak itu dibanjiri kehadiran orang luar termasuk warga asing.

Lebih membimbangkan, kewujudannya kelak didakwa bakal menimbulkan masalah kesesakan lalu lintas yang sudah sedia serius ketika ini.

"Belum ada bazar pun jalan utama keluar masuk perumahan ni dah sesak...bila ada nanti tak tahulah macam mana pula," katanya.

Azli berkata, penduduk Taman Putra Kajang kini sudah rasa terganggu dengan kehadiran ribuan warga asing yang menghuni kawasan rumah kedai berdekatan.

Dengan kewujudan bazar tersebut, penduduk bimbang gejala sosial dan jenayah yang mengganggu ketenteraman mereka akan bertambah kerana ia akan beroperasi sehingga jam 2 pagi.

"Kami harap MPKj tak beri kebenaran kepada pihak penganjur. Kami bukan halang penganjur buka uptown...tapi buatlah di lokasi lain yang lebih sesuai," katanya tandatangan penduduk akan dikumpulkan bagi membantah pelaksanaan uptown itu.

Tambah kesesakan sedia ada

Penduduk, Syed Mohamad Abdullah, 57, berkata, tapak yang dipohon untuk perniagaan bazar larut malam bersebelahan Lebuhraya Silk itu tidak sesuai dengan keadaan trafik yang sentiasa sesak.

Menurutnya, pengunjung kelak akan meletakkan kenderaan di bahu jalan yang boleh menambah kesesakan sedia ada.

"Cukuplah ada uptown di Jalan Reko. Bukan jauh sangat pun, hanya kira-kira 2.5 kilometer dari sini.

"Tak perlulah ada uptown lagi di sini," katanya.

Seorang lagi penduduk, Mazlan Abdul Malik, 53, berkata, kewujudan bazar larut malam akan memberi gangguan kepada pelajar tahfiz dan pusat tuisyen di premis berdekatan.

MAZLAN

Tegasnya, tidak mustahil apabila bazar larut malam itu wujud, akan ada gangguan bunyi dan sebagainya kepada pembelajaran pelajar di situ.

"Lokasi ini memang tak sesuai... banyak masalah akan timbul nanti," katanya.

Beri penganjur kelulusan bersyarat

Sementara itu, Ketua Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, Kamarul Izlan Sulaiman berkata, MPKj memberi kelulusan bersyarat kepada penganjur bazar larut malam di lokasi tersebut.

Jelasnya, pihak penganjur perlu mematuhi syarat ditetapkan dalam tempoh tiga bulan dan kelulusan lesen beroperasi akan dipertimbangkan jika penganjur mematuhi syarat berkenaan.

"Sekiranya gagal, tindakan selanjutnya akan diambil. MPKj akan melakukan pemantauan berkala bagi memastikan penganjur mematuhi semua syarat ditetapkan.

"MPKj juga akan kaji dan pertimbangkan semula bantahan serta aduan yang dibuat penduduk," katanya.

Kira-kira 50 penduduk berkumpul mendesak MPKj membatalkan kelulusan yang diberi kepada penganjur bazar larut malam bersebelahan Taman Kajang Impian.

Powered by: isentia

Headline	Sukar sekat warga asing guna Bas Selangorku		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	247 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,612
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,836

MB terjah rumah penduduk

Sukar sekat warga asing guna Bas Selangorku

Sukar sekat warga asing guna Bas Selangorku

AMPANG - Kerajaan Selangor tidak boleh menyekat mana-mana warga asing menaiki Bas Selangorku yang disediakan khusus untuk penduduk Selangor berpendapatan rendah dan menetap di kawasan bandar seperti Subang, Klang, Shah Alam dan Petaling Jaya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, beliau tidak menafikan bas yang menyediakan perkhidmatan percuma kepada penduduk Selangor itu kini dipenuhi dengan warga asing.

"Memang kita ada terima aduan sebahagian penumpang adalah warga asing, namun perkara tersebut bertepatan dengan prinsip asas kerajaan negeri iaitu menyediakan perkhidmatan ini kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana bagi menampung kos sara hidup.

"Orang ramai perlu menerima hakikat bahawa warga asing juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan negeri ini," katanya selepas menyertai 'Ampang Jaya Night Run 2016', di sini, kelmarin.

Menurutnya, sudah menjadi hasrat kerajaan negeri mahu memberikan perkhidmatan tersebut (Bas Selangorku) kepada rakyat Selangor namun sukar untuk menghalang warga asing daripada menggunakan perkhidmatan sama.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin berkata, perkara pokok yang harus ditekankan ialah perkhidmatan Bas Selangorku itu sendiri dan bukan penumpangnya.

"Apa yang penting ialah perkhidmatan ini harus cekap, efisien dan memberi peluang kepada pengguna untuk memanfaatkannya," katanya.

Bas Selangorku yang dilancarkan pada Julai tahun lalu adalah khabar gembira buat penduduk Selangor yang berpendapatan rendah, namun warga asing juga tidak ketinggalan menggunakan perkhidmatan berkenaan sebaik sahaja dilancarkan.

Senario tersebut menyebabkan wujud cadangan di media sosial yang mendesak kerajaan negeri memikirkan satu mekanisme terbaik supaya hanya warganegara sahaja yang layak mendapat manfaat perkhidmatan bas percuma itu.

Ada pengguna mencadangkan supaya kerajaan negeri mengikut jejak langkah kerajaan Johor yang menyediakan perkhidmatan bas percuma mereka iaitu Bas Muafakat kepada warganegara sahaja dengan cara mendaftar menggunakan MyKad untuk mendapatkan Kad Muafakat sebagai akses perkhidmatan.

Mengulas mengenai perkara tersebut, Mohamed Azmin berkata, sukar untuk melaksanakan mekanisme tersebut kerana warga asing juga mempunyai MyKad.

"Macam mana kita nak laksanakan kalau warga asing sendiri sekarang ini pun dah ada MyKad," katanya.

Pengguna media sosial di Selangor yang mengharapkan perkhidmatan Bas Selangorku tidak diberikan kepada warga asing.

Powered by: isentia

25 Apr 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 17 • Printed Size: 77.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,397.85
PR value: MYR 4,193.55 • Item ID: MY0025860333

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

back

42,683 kes denggi sejak awal tahun

Putrajaya: Sebanyak 42,683 kes denggi direkodkan di seluruh negara sejak 3 Januari hingga kelmarin dengan Selangor terus menjadi penyumbang paling tinggi membabitkan 22,699 kes.

Data Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan, Pusat Kesediaan Krisis dan Tindak Balas (CPRC) Kementerian Kesihatan menunjukkan Johor mencatatkan 6,042 kes, diikuti Kuala Lumpur (2,738), Perak (1,686), Pulau Pinang (1,642), Terengganu (1,438), Sabah (1,098), Negeri Sembilan (1,083) dan Pahang (1,060).

Jumlah kematian akibat denggi bagi tempoh 3 Januari hingga 16 April lalu pula ialah 92 orang.

Di **Shah Alam**, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, ketika ditemui selepas Program Terjah dan Musnah Aedes di Seksyen 28 semalam, berkata kempen pencegahan denggi dijalankan di Selangor mula menunjukkan hasil positif.

"Kes kematian akibat wabak itu menurun 48 peratus sepanjang empat bulan pertama tahun ini, manakala hanya 1,137 kes denggi dilaporkan dalam empat minggu ini berbanding lebih 2,000 kes sepanjang tempoh sama tahun lalu," katanya.

Headline	Skuad Veteran Selangor tak sabar gegar Shah Alam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	47	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	319 cm²
Journalist	Syafiq Aznan	AdValue	RM 10,996
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,989

Skuad Veteran Selangor tak sabar gegar Shah Alam

» *Terpaksa simpan hasrat dua tahun untuk rampas kembali piala dari Singapura*

Oleh Syafiq Aznan

syafiq.aznan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Selepas terlepas aksi Piala Sultan Selangor yang terpaksa dibatalkan berikutan masalah jerebu tahun lalu, barisan Veteran Selangor jelas tidak sabar menyarung but dan kembali beraksi di stadium keramat mereka, Stadium Shah Alam pada 7 Mei ini.

Mana tidaknya, mereka terpaksa menunggu selama dua tahun untuk bertemu kembali pasukan Veteran Singapura dan kini mereka menyimpan hasrat merampas kembali piala penuh kebanggaan itu.

Bekas pemenang tiga kejuaraan Piala Malaysia yang turut membarisi Veteran Selangor, Shahril Arsat mengakui saingan Piala Sultan Selangor itu mampu 'meremangkan' bulu romanya kerana ia membuatkan dia bagaikan kembali semula ke zaman ketika dia masih lagi menyarung jersi kebanggaan Merah Kuning itu.

"Piala Sultan Selangor bukan sahaja mengimbau memori barisan pemain, malah menyingkap sejarah bola sepak dan perseteruan yang dikongsi antara Selangor dan Singapura yang juga musuh tradisi beberapa dekad lalu.

"Malah, ini memberi peluang kepada kami untuk kembali menyarung jersi Selangor yang sudah lama ditinggalkan dan melepaskan rindu untuk beraksi bersama bekas rakan sepasukan serta pemain legenda Selangor.

Piala penuh tradisi

"Peluang beraksi di hadapan puluhan ribu penyokong setia Selangor juga membuatkan kami begitu ternanti-nantikan aksi tahunan ini yang sudah dianggap sebahagian daripada tradisi pasukan ini," katanya.

Sementara itu, bekas kapten The Red Giants, Mehmet Durakovic, berkata keputusan seri 1-1 yang diraih pada edisi 2014 yang lalu membuatkan barisan pemain sukar menerima keputusan terbabit dan kecewa selepas gagal merangkul piala.

"Jadi, edisi kali ini akan menjadi medan terbaik untuk kami 'menyudahkan kerja' yang tertangguh sebelum ini sekali gus meraih kembali Piala Sultan Selangor untuk pasukan veteran.

"Meskipun ia sekadar perlawanan persahabatan bersifat hiburan, namun kami akan berjuang habis-habisan untuk merangkul piala penuh tradisi dan enggan melihat ia kekal di seberang tambak," katanya.

Bekas pengendali Selangor itu juga mengakui pertembungan antara Selangor dan Singapura boleh dianggap seperti 'El Classico Malaya' memandangkan ia membabitkan perlawanan antara dua pasukan yang berkongsi sejarah yang panjang dalam kancah bola sepak tempatan.

Powered by: isentia

Headline	Skuad Veteran Selangor tak sabar gegar Shah Alam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	47	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	319 cm²
Journalist	Syafiq Aznan	AdValue	RM 10,996
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,989

Pemain Veteran Selangor Hardi Jaafar (kanan) ***diasak pemain Media Prima*** *pada perlawanan persahabatan, kelmarin.*

Powered by: isentia

Headline	5,000 hadir Selawat Perdana JPJ Selangor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	27	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	447 cm²
Journalist	Norrasyidah Arshad	AdValue	RM 15,408
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,225

5,000 hadir Selawat Perdana JPJ Selangor

» Majlis sempena ulang tahun ke-70 organisasi

Oleh Norrasyidah Arshad
norrasyidah@bh.com.my

Shah Alam

Seramai 5,000 menyertai Majlis Selawat Perdana anjuran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor, di sini, kelmarin.

Pengarah JPJ Selangor, Nazli Md Taib, berkata JPJ Selangor mahu membawa kelainan sempena sambutan ulang tahun ke-70 JPJ, pada 1 April lalu.

"Selain mengukuhkan ukhuwah antara anggota JPJ dengan masyarakat, majlis ini juga mahu mendekatkan generasi muda dengan aktiviti keagamaan dan kerohanian," katanya selepas program di Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, di sini.

Acara Sembang Santai

Yang turut hadir, Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Ismail Ahmad.

Selain berselawat beramai-ramai, majlis berkenaan turut dimeriahkan dengan acara Sembang Santai menampilkan pendakwah Ebit Lew; bekas Imam Besar Masjid Negara, Datuk Kamaruddin Zakaria; pendakwah Indonesia, Habib Ali Zaenal Abidin al-Hamid dan Moderator *Halaqah TV9*, Syed Mohd Norhisyam Tuan Padang.

Terdahulu, kira-kira 500 motosikal termasuk motosikal berkuasa tinggi menyertai konvoi dari JPJ Selangor di Padan g Jawa menuju ke masjid berkenaan.

Powered by: isentia

Headline	5,000 hadir Selawat Perdana JPJ Selangor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	27	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	447 cm²
Journalist	Norrasyidah Arshad	AdValue	RM 15,408
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,225

Antara panel ***program Selawat Perdana*** *sempena Sambutan Hari JPJ Ke-70 Peringkat Negeri Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, kelmarin.* [FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT/BH]



Ismail (tiga dari kanan) hadir pada ***Program Selawat Perdana Sempena Hari JPJ Ke-70*** *Peringkat Negeri Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, kelmarin.* [FOTO BERNAMA]

Powered by: isentia

25 Apr 2016
Harakah, Malaysia

Author: Muhammad Arif Ismail • Section: General News • Page: N7
Printed Size: 155.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 1,049.23 • PR value: MYR 3,147.69 • Item ID: MY0025854844

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Rakyat tetap tidak percayai Najib

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

KUALA LUMPUR: Rakyat tetap tidak mempercayai dan menolak kepimpinan Presiden Umno, Dato' Seri Najib Tun Razak ekoran dirinya terpalit dengan skandal yang merugikan negara.

Walaupun Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah membersihkan nama Perdana Menteri itu daripada skandal 1MDB, tetapi rakyat tidak mempercayainya.

Bahkan, beberapa Ahli Parlimen yang menganggotai jawatankuasa tersebut turut mempertikaikan kesahihan laporan tersebut yang diedit dengan tidak beretika.

Naib Presiden PAS, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata, rakyat melihat laporan itu mempunyai unsur prejudis kerana dibuat oleh individu ada kepentingan dengan Najib.

"Rakyat terus mempersoalkan Perdana Menteri dan kerajaan dalam isu 1MDB dan rakyat juga belum puas hati dengan penjelasan jawatankuasa ini," katanya ketika dihubungi *Harakah*, 22 April lalu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan pimpinan Barisan Nasional bahawa tuduhan yang dilemparkan dalam isu itu kepada Ahli Parlimen Pekan dilihat tidak lagi sesuai.

Pesuruhjaya PAS Selangor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Cempaka itu menambah, isu 1MDB terus menghantui pemerintahan Najib hingga ketibaan pilihan raya umum kelak.

Menurutnya, dengan masalah terbabit, semua agensi kerajaan yang lain terpaksa 'ikat perut' semata-mata untuk meneruskan kelangsungan syarikat 1MDB terbabit.

Sebelum ini, seorang Ahli Majlis Tertinggi Umno, Dato' Dr Mohd Puad Zarkashi sekali lagi tampil mendirikan benang yang basah dalam isu tersebut.

Beliau berkata, skandal 1MDB yang digunakan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menyerang Perdana Menteri dianggap sudah tidak relevan.

Iskandar Abdul Samad

25 Apr 2016
Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N20
Printed Size: 81.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 548.31 • PR value: MYR 1,644.93 • Item ID: MY0025855010

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

back

El-Nino jimat ketika wuduk

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi memberi pesanan kepada rakyat Selangor supaya menjimatkan penggunaan air dalam suasana panas kering El-Nino.

Katanya, dalam keadaan panas kering El-Nino yang melanda negara kita sekarang, seharusnya umat Islam semakin sedar akan cara wuduk yang sebenar.

Menurut beliau, kebanyakan umat Islam sering membuka air pili besar sehingga basah pakaian.

"Sebenarnya, kita tadah tangan ambil air dan gosok di muka sambil biarkan air keluar dari pili dengan kadar yang banyak. Setiap kali kita basuh muka sambil biarkan air keluar ia boleh dianggarkan bersamaan dengan jumlah air satu gayung," katanya.

Beliau mengingatkan seluruh umat Islam supaya membuka air pili dengan kadar yang sepatutnya.

Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah melintasi Saad yang sedang berwuduk, lalu Baginda bertanya: "Mengapa engkau berlebih-lebihan seperti ini wahai Saad?" Saad bertanya: "Apakah di dalam wuduk juga ada istilah berlebih-lebihan?" Baginda menjawab: "Benar, sekalipun engkau berada di sungai yang mengalir." (Hadis Riwayat Ahmad r.a.)

Dalam situasi negara yang tersangat panas ini, sebenarnya Allah mengajar manusia untuk menjimatkan penggunaan air dalam berwuduk dan kembali pada sunnah, tegas beliau.

25 Apr 2016
Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N20
Printed Size: 275.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 1,891.00 • PR value: MYR 5,673.00 • Item ID: MY0025855011

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Dr Ahmad Yunus meraikan lima pasangan pengantin dalam program 3K di Dengkil, Sepang.

3K rai lima pasangan pengantin

SEPANG: Majlis Raikan Cinta serta kenduri rakyat meraikan lima pasangan pengantin daripada masyarakat orang Asli dalam program Karnival Kampungku Kesayanganku 3K.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agam Islam, Adat Melayu dan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, program 'Nikah Perdana' mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk di setiap kawasan di Selangor.

Katanya, sambutan penduduk itu menunjukkan bahawa rakyat mendapat maklumat program yang kerajaan laksanakan.

Menurut beliau, program 3K membawa mesej kerajaan kepada rakyat di setiap kampung dan desa.

Program 3K diadakan di pekan Dengkil selama dua hari. Kayuhan kampung kesayangaku menyelusuri desa Kasih, desa Al-Mansuriah dan kampung Semarang Tengah dengan menyampaikan sumbangan kepada 20 orang golongan memerlukan bantuan.

Dr Ahmad turut melancarkan Kelab Anak Muda Islam Masjid dengan peruntukan sebanyak RM50,000 untuk mewujudkan mini perpustakaan di dalam masjid.

Perkara tersebut akan dibincangkan dengan pihak Pejabat Agama Islam di setiap daerah bagi menarik minta anak-anak muda supaya gemar datang ke masjid, katanya.

Menurut beliau, cadangan tersebut akan dilakukan selepas hari raya dan kawasan yang menjadi tuan rumah program 3K akan menjadi keutamaan.

Dr Ahmad Yunus turut menunjukkan bakat melukis dan mewarna dalam program tersebut.

25 Apr 2016
Harakah, Malaysia

Author: Roy Rasul • Section: General News • Page: N31 • Printed Size: 101.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 683.69
PR value: MYR 2,051.07 • Item ID: MY0025855024

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbangor@gmail.com

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Cegah penyelewengan penjawat awam

Oleh ROY RASUL

KUALA LUMPUR: Semua kes penyelewengan wang negara sama ada membabitkan penjawat awam peringkat rendah, menteri dan perdana menteri sekali pun, wajib disiasat supaya lebih telus dan adil, kata Setiausaha Perhubungan PAS Selangor, Mohd Khairuddin Othman.

Ini katanya, penyelewengan yang dilakukan termasuk dilakukan penjawat awam hingga membabit jutaan ringgit tiada kesudahannya.

Beliau mendakwa, penyelewengan yang dilakukan penjawat awam itu antara kes yang kecil sedangkan banyak lagi kes besar tidak diketahui masyarakat.

"Bagi saya jika sistem pentadbiran negara dan pimpinan kerajaan kita memberi contoh yang baik, pastinya penjawat awam tidak berani melakukan penyelewengan atau salahguna kuasa seperti mana didedahkan," katanya.

Apa pun katanya, pimpinan kerajaan perlu membersihkan namanya dahulu dan menunukkan imej yang baik.

